

02/02/2003

Wartawan Arab hasilkan buku mengenai Dr Mahathir

KUALA LUMPUR: Kredibiliti dan kewibawaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerajui Malaysia mendorong seorang wartawan dari Emiriyah Arab Bersatu (UAE) untuk menghasilkan sebuah buku mengenai beliau.

Buku dalam bahasa Arab yang bertajuk Mahathir Mohamad From An Arab and Muslim Perspective itu bakal dilancarkan sempena Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) di ibu negara, Oktober depan.

Duta Malaysia ke UAE, Datuk Syed Hussein Abdul Kadir Al- Habshee, berkata buku itu masih dalam proses penyusunan dan dijangka siap September depan ditulis oleh Dr Abdul Raheem Abdul Wahid dan diterbitkan oleh Penerbitan Pelanduk.

Katanya, Dr Abdul Raheem adalah penulis terkenal di UAE dan kini sudah menghasilkan sembilan buku termasuk yang terbaru mengenai Palestin.

Beliau berkata, buku yang mengetengahkan wawasan dan pencapaian Dr Mahathir kepada kebajikan masyarakat Islam di dunia itu akan dilancarkan pada sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Oktober depan

"Kita memilih untuk melancarkannya ketika OIC kerana buku ini ada kaitan dengan dunia Islam, lebih-lebih lagi semua pemimpin Islam termasuk dari negara yang sedang menghadapi krisis seperti Palestin dan Iraq dijangka menghadiri sidang ini.

"Buku ini juga dijangka akan diterbitkan dalam bahasa Melayu dan Inggeris untuk pasaran tempatan dan antarabangsa," katanya pada sidang akhbar mengenai buku itu di sini, semalam.

Hadir sama, penulis buku Dr Abdul Raheem dan penaja projek penulisan buku, Datuk Yahya A Jalil.

Syed Hussein berkata, penerbitan itu adalah satu peluang mengeratkan lagi hubungan Malaysia dengan negara Arab dan orang Islam di seluruh dunia selain mengetengahkan pengalaman Malaysia sebagai negara membangun kepada negara Islam lain.

Katanya, dalam tajuk Islam dan Ummah, penulis buku cuba mengetengahkan pandangan Dr Mahathir mengenai isu keganasan antarabangsa, serangan 11 September, Islam dan sokongan terhadap negara Islam dan usaha mempromosikan perpaduan Islam.

Beliau berkata, penulis juga cuba mendapatkan pandangan pemimpin Islam dan Arab mengenai kepemimpinan Dr Mahathir selain pandangan masyarakat Malaysia mengenainya.

Sementara itu, Dr Abdul Raheem berkata beliau tertarik untuk menulis mengenai Dr Mahathir kerana beliau kagum kepemimpinan Dr Mahathir serta ideanya mengenai pelbagai isu menyentuh umat Islam.

Malah, katanya beliau bangga kerana Dr Mahathir begitu lantang di arena antarabangsa memperjuangkan isu di Tanah Arab sedangkan pemimpin Arab tidak mampu berbuat demikian.

